



## "IDULFITRI YANG DIBERKATI"

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ  
بُكْرَةً وَأَصِيلًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ  
وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعْزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَخْزَابَ  
وَحْدَهُ.  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ  
الْحَقِّ لِيُظَهِّرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ



إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ وَحَبِيبُهُ وَخَلِيلُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ!، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ  
وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَقْوُنَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تُمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**

Alhamdulillah, Marilah kita bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana berada di tempat sujud sebagai tempat pertama yang dikunjungi. Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT, mentaati perintah-Nya dan meninggalkan



segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan berbekalkan tarbiyah Ramadhan yang telah dilalui kita terus mendapat petunjuk bagi mempertahankan iman dan aqidah, mampu melawan segala perkara mungkar serta sentiasa mendapat rahmat dan keredhaan Allah SWT.

Khutbah pada pagi hari yang mulia ini akan mengupas tajuk "**IDULFITRI YANG DIBERKATI**".

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah SWT,**

Keagungan dan kehebatan hari ini pernah dinyatakan oleh Rasulullah SAW melalui sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لِلصَّائِمِ فَرْحَتَانِ يَفْرَحُهُمَا إِذَا أَفْطَرَ فَرِحَ  
بِفِطْرِهِ وَإِذَا لَقِيَ رَبَّهُ فَرِحَ بِصَوْمِهِ

"Dan bagi orang yang berpuasa itu mempunyai dua kegembiraan yang dinikmatinya, iaitu ketika berbuka puasa dia bergembira dengan makanannya dan apabila bersua dengan tuhannya dia bergembira dengan puasanya".

(Riwayat al-Bukhari).

Sesungguhnya kegembiraan yang dizinkan oleh Allah SWT ketika menyambut Idulfitri ialah apabila sambutan ini mematuhi peraturan syariat Islam. Ini bermakna tidak boleh ada dalam majlis tersebut perkara-perkara



yang bercanggah dengan syariat. Pada masa yang sama layanan kepada tetamu disamaratakan yakni melibatkan semua peringkat lapisan masyarakat. Segala keperluan majlis disediakan dengan serba sederhana. Begitulah sepatutnya cara yang perlu dilakukan oleh orang Islam yang selesai menjalani ibadah puasa. Barulah tarbiyah Ramadhan berjaya menghasilkan natijahnya. Beruntunglah mana-mana individu Muslim yang dapat meneruskan amalan-amalan ketaatan pada bulan-bulan berikutnya.

**Sidang hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian,**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Ramadhan telah berlalu. Kini yang tinggal ialah kesan tarbiyahnya. Berjayahkah kita menjadi muslim mukmin yang muttaqin atau sebaliknya?. Bergantung kepada cara kita menunaikan ibadah puasa selama sebulan yang lalu. Manakala tarbiyah Ramadhan yang dilalui sepatutnya mampu melahirkan individu muslim yang mempunyai sifat-sifat taqwa, ikhlas, sabar, tabah, syukur, lemah lembut serta belas kasihan.

Dengan pelbagai sifat mulia tersebut apabila ianya diterjemah melalui akhlak baik ketika berhubungan dengan masyarakat dan alam sekitar akan melahirkan satu suasana yang amat harmoni, tenang, damai dan nyaman. Para muslim Mukmin yang memiliki ciri dan sifat tersebut akan menampilkan tatakelakuan yang penuh sopan ketika berhubungan sesama manusia.

Sesungguhya kemuliaan dan kebijaksanaan sesorang insan Muslim akan dapat dilihat ketika mereka bergaul dalam kalangan keluarga dan dalam kelompok masyarakat, samada sesama masyarakat Islam atau bukan Islam.



اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

**Muslimin dan muslimat dan dirahmati Allah sekalian,**

Kita hendaklah mewarnai Idulfitri tahun ini dengan amal soleh. Segala aktiviti yang kita lakukan tidak bertentangan dengan syariat Islam. Kita hendaklah mengucapkan kalimah yang menandakan kebesaran Allah SWT iaitu “Allahuakbar” dengan perasaan khusyuk hingga mengalirkan air mata menandakan keinsafan bahawa Allah itu Maha Besar. Dialah sahaja yang dapat memberi kesempatan menemukan kita dengan bulan Ramadhan sehingga dapat berhari raya.

Melalui tarbiah Ramadhan, mudah-mudahan kita menjadi orang yang mempunyai keinsafan dan dermawan, memperkuuh persaudaraan dan persahabatan. Amalan seperti mengadakan rumah terbuka amat baik sekali bagi memberi peluang kita bertemu muka dan saling beramah mesra dengan seberapa ramai jiran tetangga, saudara mara dan sahabat handai. Namun, hendaklah diingat bahawa kita jangan lupa menjemput golongan yang kurang bernasib baik seperti anak yatim dan fakir miskin. Mereka yang sering mengabaikan golongan ini dosanya amat besar. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ma'un ayat 1-3:

أَرَءَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالْأَدِينِ فَذَلِكَ  
الَّذِي يَدْعُ الْيَتِيمَ وَلَا تَحْضُّ عَلَى طَاعَامٍ  
الْمِسْكِينِ



*"Tahukah Engkau akan orang Yang mendustakan ugama (meliputi hari pembalasan)? Orang itu ialah Yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, Dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan Yang berhak diterima oleh orang miskin".*

Idulfitri yang diberkati ialah apabila ianya disambut dengan aktiviti mematuhi kehendak syariat Islamiyyah. Maka ketika kita merayakan Idulfitri janganlah kita tertipu atau ditipu dengan rasa dan suasana. Atau kita merasai bahawa amalan yang telah dilakukan telah mencukupi dan memadai sehingga tidak merasa bersalah untuk melakukan kemungkaran ketika menyambut hari raya.

Sekiranya kita sebagai muslim berjaya meneruskan amalan tarbiyah Ramadhan yang disyariatkan oleh Allah SWT, insyaAllah kita akan mampu mengawal diri dan ahli keluarga dan seterusnya masyarakat dari terjerumus kedalam pelbagai kancah kemaksiatan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Umat Islam perlu memiliki kekuatan mujahadah secara berterusan untuk melawan segala runtunan nafsu yang juga berterusan mengajak untuk melakukan kejahatan. Kita jangan hanya menjadi hamba Allah di bulan Ramadhan. Beramal dengan banyak dan rajin hanya di bulan Ramadhan sahaja. Sesungguhnya kita adalah hamba Allah sepanjang masa selagi kita masih bernyawa. Kita akan terus berhadapan dengan suasana yang mencabar dalam beribadat. Kerana nafsu jahat manusia sering dirangsang oleh iblis yang memang punya kepakaran merosak iman dan aqidah umat Islam untuk terus melakukan kemungkaran. Jadi, manusia yang beriman



perlu sentiasa istiqamah untuk menjauhi dan membanteras perkara-perkara maksiat.

Oleh itu amalan yang sangat dituntut untuk diteruskan ialah melakukan puasa sunat selama 6 hari dalam bulan Syawal secara berturut-turut atau berselang seli. Amalan ini sebagai membuktikan bahawa semangat Ramadhan masih kuat terpahat dihati para insan Muslim. Walaupun sibuk mengatur atau menghadiri rumah terbuka tetapi masih mampu meneruskan puasa sunat di bulan syawal.

### **Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian,**

Kita yang sedang berhimpun di tempat solat pada pagi ini mudah-mudahan terus mendapat keberkatan daripada Allah SWT, maka kita hendaklah;

1. Sentiasa meneruskan segala amal baik yang dilakukan di bulan Ramadhan pada bulan-bulan berikutnya sebagai membuktikan bahawa kita telah lulus dengan jayanya melalui tarbiyah Ramadhan.
2. Berusaha menjadi insan yang bertakwah dengan mematuhi segala perintah Allah di sepanjang masa demi untuk mendapat redha Allah di samping itu bertekad untuk tidak lagi melakukan perkara-perkara yang berlawanan dengan hukum syarak.
3. Bersungguh-sungguh melakukan pelbagai sifat baik yang dituntut oleh syariat Islamiyyah ketika berhubungan dengan pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat.
4. Sentiasa bekerjasama memantap ukhuwah dan perpaduan umat bagi melahirkan masyarakat yang berkasih sayang, saling bekarsajama,



sentiasa berbaik sangka dan tolong menolong ke arah memperkuuh benteng yang mempu mempertahan umat Islam dalam menghadapi pelbagai cabaran yang boleh merosak iman, aqidah dan syariat Islamiyyah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلَيَفِرَّ حُوا هُوَ خَيْرٌ  
مِمَّا تَجْمَعُونَ



"Katakanlah (Wahai Muhammad) "kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayang-Nya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)" .

(Yunus : 58).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Kita sebagai umat Islam hendaklah mengingati bahawa apabila Ramadhan meninggalkan kita, maka umur makin singkat. Semakin hampir kepada kematian. Sesungguhnya kematian itu pasti dan berlaku bila-bila masa. Jadi kita perlu bersedia dengan amal ibadat yang telah disyariatkan.



Justeru itu, kita hendaklah sentiasa melaksanakan perintah yang difadhukan oleh Allah SWT seperti mengerjakan solat Fardhu, mengeluarkan zakat dan lain-lain dan janganlah hanya mengerjakan solat sekali atau dua dalam setahun iaitu solat Idulfitri dan Iduladha sahaja.

Pada masa yang sama dengan kesempatan yang ada teruskan amalan ziarah kerana ia akan meningkat dan memperkuuh rasa ukhuwah Islamiyah dan kasih sayang sesama keluarga, jiran tetangga dan anggota masyarakat.

Umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk ekstremis yang kesannya akan menjaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan negara.

Umat Islam hendaklah berpegang teguh kepada ajaran Islam menurut ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah dengan tidak terjebak dalam amalan yang menyeleweng dan sesat seperti Syiah, Qadyani, Islam Jamaah, liberalisme dan pluralisme dan lain-lain fahaman yang menyeleweng dan difatwakan sesat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأَيُّهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذْرِيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ



وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَواتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعَظِيمَى آءُنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ  
وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَّ لَهُ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ  
سَلَّاعُورِ، سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ  
الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَائِيَّةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَّاعُورِ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ سُلْطَانِ شَرَفِ  
الْدِينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَّةٍ



بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ。 اللَّهُمَّ  
أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ  
وَالْبَلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى  
وَالرَّشَادِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِنَ التَّوَابِينَ وَاجْعَلْنَا مِنْ  
الْمُتَطَهِّرِينَ وَاجْعَلْنَا مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ。 اللَّهُمَّ  
انْصُرِ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ  
وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ。 وَأَلْفُ بَيْنَ قُلُوبِ  
الْمُؤْمِنِينَ، وَافْتَحْ بَيْنَهُمْ بِالْحَقِّ وَأَنْتَ خَيْرُ  
الْفَاتِحِينَ، اللَّهُمَّ عَافِنَا مِنْ كُلِّ بَلَاءِ الدُّنْيَا  
وَعَذَابِ الْآخِرَةِ، وَاصْرِفْ عَنَّا شَرَّ الدُّنْيَا وَشَرَّ  
الْآخِرَةِ.



رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ  
وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ。 وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى خَيْرِ خَلْقِهِ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ。  
سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ  
عَلَى الْمُرْسَلِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.  
  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.